

LITERASI PELAJAR TERHADAP MATA PELAJARAN SYARIAH 1: SATU KAJIAN DI KOLEJ ISLAM SULTAN ALAM SHAH (KISAS), KLANG

Aminuddin Bin Ruskam & Siti Noor Dalina Binti Mohd Zaidi
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini dilakukan bagi mengetahui literasi pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1 dalam kalangan pelajar tingkatan enam Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang. Kajian ini juga bertujuan meneliti penguasaan pelajar terhadap bentuk kesalahan dan hukuman dalam jenayah Islam. Tambahan, untuk mengetahui minat pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1. Populasi kajian adalah seramai 47 orang pelajar tingkatan enam dan sampel dalam kajian ini merupakan keseluruhan populasi. Walau bagaimanapun, hanya 38 set soal selidik dapat dianalisis kerana 9 set tidak dikembalikan. Set soal selidik mengandungi 46 item, telah diedarkan kepada responden dan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min menggunakan perisian *Statistical Package For Sosial Science (SPSS)*. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ialah $\alpha = 0.819$. Analisis data dinyatakan dalam bentuk jadual. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan literasi pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1 adalah tinggi dengan nilai min 3.86. Manakala min bagi penguasaan pelajar terhadap bentuk kesalahan dan hukuman dalam jenayah Islam juga tinggi iaitu 3.76 dan 3.70. Sementara minat pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1 dengan nilai min 3.89. Cadangan turut dikemukakan untuk makluman dan perhatian pihak tertentu bagi meningkatkan literasi pelajar dalam mata pelajaran Syariah 1. Antara cadangan tersebut ialah Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) menyediakan buku teks atau modul pembelajaran mengikut silibus terkini mata pelajaran Syariah STPM dan guru mengambil inisiatif dengan melanjutkan waktu pengajaran dan pembelajaran pada waktu-waktu lain bagi mengatasi masalah masa pembelajaran Syariah 1 yang tidak mencukupi.

Abstract: The aims of this research is to examine the student's knowledge of the Syariah 1 subject among form six students of Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang. Besides that, the purpose of this research is to find out students' understanding on the type of fault and punishment of the Islamic law. Furthermore, this research also to identify students' level of interest towards the Syariah 1 subject. The population of this research was 47 students of form six and the sample of this research was the whole population. Nevertheless, only 38 sets of questionnaires were analyzed because 9 sets of them were not been returned. The questionnaires contained 46 items which were distributed to the respondents and was descriptively analyzed to obtain the mod, percentage as was as mean by using the Statistical Package For Sosial Science (SPSS) software. The validity value of the research instrument was $\alpha = 0.819$. The data analysis is shown in tables. Overall, the findings of the research showed the students' knowledge of the Syariah 1 subject is high with mean 3.86. On the other hand, the mean value of the students understandings towards the types of fault and punishment in Islamic law also high which are 3.76 and 3.70, while students' interest toward the Syariah 1 subject is 3.89 as the mean value. The suggestions have been proposed for the information and attention to certain parties to enhance students' knowledge in Syariah 1 subject such as Malaysian Examination Council (MPM) prepares the text book or learning moduls based on the latest syllabus of Syariah STPM subject and teachers take the initiative to extend the teaching and learning period to other period to solve the insufficient period of Syariah 1 subject.

Katakunci: Kolej Islam Sultan Alam Shah (Kisas), Syariah 1

Pengenalan

Peranan pendidikan, khususnya pendidikan negara Malaysia adalah bertanggungjawab untuk membina dan membentuk para pelajar sebagai insan yang kamil iaitu mereka yang taat kepada ajaran agama, mempunyai daya kekuatan akal dan jasmani bagi membina umat yang harmoni melalui satu dasar pendidikan yang bersepadu dan seimbang. Tambahan, pengetahuan agama yang tebal perlu diterapkan dalam diri pelajar sebagai benteng dan pertahanan ke arah perlakuan yang tidak baik.

Namun, apa yang boleh diperhatikan pada hari ini, subjek agama Islam kurang dititikberatkan berbanding subjek teras yang lain seperti Sains, bahasa Inggeris, Matematik dan Sejarah. Sedangkan matlamat mempelajari mata pelajaran agama adalah untuk melahirkan individu-individu yang soleh dan mempunyai pegangan akidah yang kuat hingga ke tahap "lived vision", serta mempunyai kecenderungan untuk merealisasikan ibadat dan cara hidupnya hingga sampai ke peringkat yang lebih berkesan.

Pernyataan Masalah

Kes kematian pelajar tingkatan empat, Muhammad Farid Ibrahim, 16, yang dipercayai dibelasah teruk oleh pelajar tingkatan lima di asrama Sekolah Menengah Agama Dato' Klana Petra Maamor, Ampangan, Seremban. Kejadian itu merupakan yang kedua melibatkan kehilangan nyawa dalam masa kurang enam bulan di Negara ini. Pada 31 Oktober lalu, seorang pelajar, Ahmad Firdaus Zakaria, 15, maut selepas tiga hari koma di Hospital Port Dickson, akibat dipukul oleh sekumpulan pelajar (Utusan Malaysia, 1 April 2004).

Kira-kira 200 buah sekolah di seluruh negara disenarai hitam oleh polis berikutan penglibatan lebih 100,000 murid dengan pelbagai kes disiplin termasuk jenayah. Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, Ismail Nihat berkata, sekolah-sekolah itu terdiri daripada pelbagai aliran termasuk sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah berasrama penuh, sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah agama. Menurutnya, murid-murid terbabit didapati melakukan pelbagai kesalahan jenayah kecil dan serius (Utusan Malaysia, 8 April 2004).

Pada tahun 2005, berlaku satu kejadian ke atas seorang pelajar lelaki 17 tahun di sekolah menengah agama berasrama penuh terkenal. Pelajar ini dikenali sebagai penghisap gam tegar di kalangan kawan-kawan dan guru-guru. Disebabkan gam bukan seperti dadah maka setiap kali ujian air kencing yang dilakukan pihak sekolah bersama dengan Jabatan Narkotik PDRM tidak berjaya memerangkap aktiviti pelajar ini (Ahmadi Hj. Baharudin: 133).

Jenayah di kalangan pelajar semakin runcing dan serius dari hari ke hari. Selepas gangguan masalah seksual, kini timbul pula kes cubaan membunuh. Di Taiping, seorang pelajar tingkatan 2 Sekolah Menengah Agama (SMA) Addiniah Changkat Jering, Muhammad Shahmil Izwan Ahmad Shokri, koma selama empat hari selepas disyaki dipaksa oleh rakan asramanya untuk minum sebotol air yang diletak racun. Suspek dikatakan mempelawa mangsa untuk 'minum dan makan roti canai', tetapi sebaliknya memaksa Shahmil meminum secawan air beracun sehingga menyebabkan mangsa pengsan. (<http://pesonabatik.com/blog/guru-saman-ibu-bapajenayah-pelajar-semakin-meruncing/2007/09/04/>)

Kebanyakan remaja dan pelajar yang bermasalah adalah disebabkan kekurangan didikan agama. Menyedari hakikat ini, seharusnya ibu bapa menerapkan nilai agama kepada remaja. Remaja yang cukup dibekalkan dengan pendidikan agama lebih menyedari tanggungjawab mereka sebagai seorang remaja Islam. Justeru, mereka tidak akan melakukan perkara-perkara yang di luar batasan agama (Noraini Syam Miskam: 2000). Berdasarkan pernyataan di atas, adalah penting kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap literasi pelajar khususnya pelajar sekolah agama tentang pengetahuan mereka dalam matapelajaran syariah berkaitan hukum jenayah Islam.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan kepada beberapa objektif kajian. Iaitu:

- i. Menenal pasti literasi pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1.
- ii. Meneliti penguasaan pelajar terhadap bentuk kesalahan jenayah Islam.
- iii. Mengkaji kefahaman pelajar terhadap hukuman dalam jenayah Islam.
- iv. Menenal pasti minat pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu memberi manfaat dan faedah kepada semua pihak terutamanya:

- i. Para pelajar Islam terhadap kewajipan mengetahui dan melaksanakan hukum-hukum Jenayah Islam seperti yang ditetapkan oleh Allah S.W.T.
- ii. Para pelajar untuk membina peribadi mulia, mendidik diri sentiasa berakhlak mahmudah, memelihara, memulihara dan menjauhi diri agar tidak sesekali melakukan perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T hasil dari pengetahuan tersebut.
- iii. Pihak pentadbir sekolah, guru-guru dan para pelajar untuk memberi pendedahan dan sumbangan memandangkan kajian seperti ini belum pernah dilakukan di KISAS, seterusnya diharapkan kajian ini dapat mengurangkan masalah disiplin bagi meningkatkan tahap disiplin pelajar.
- iv. Masyarakat supaya lebih peka terhadap jenayah yang dilakukan oleh pelajar dan berasa lebih bertanggungjawab untuk menangani permasalahan jenayah tersebut disamping memberi peringatan tentang hukuman Allah S.W.T kepada mereka yang melakukan kemungkaran dan kejahatan.

Batasan Kajian

Penyelidik telah menggariskan beberapa batasan kajian dengan menumpukan kepada beberapa skop sahaja dalam merealisasikan kajian ini iaitu:

- i. Kajian ini hanya dilakukan di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Klang. Kajian ini tidak melibatkan sekolah agama di bawah Kementerian Pelajaran yang lain seperti SMKA, sekolah swasta, sekolah agama di bawah kerajaan negeri dan bantuan kerajaan.
- ii. Kajian ini melibatkan 47 orang pelajar Tingkatan 6 atas Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) Klang, sebagai responden. Pemilihan keseluruhan populasi sebagai sampel atau responden
- iii. Sebanyak 46 item soal selidik diedarkan kepada pelajar dan aspek-aspek yang dikaji ialah literasi pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1, minat dan pengetahuan pelajar tentang hukuman serta bentuk kesalahan jenayah Islam.
- iv. Aspek-aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah literasi pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1, penguasaan pelajar terhadap bentuk kesalahan dan hukuman jenayah Islam serta mengetahui minat pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1. Kurikulum lain tidak terlibat dalam kajian ini.
- v. Kajian ini dijalankan semester pembelajaran tahun 2008 sehingga tahun 2009 sahaja.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Abdul Majid Konteng (2004:57), populasi adalah menentukan sejauhmana dan sebanyakmana data dan maklumat perlu dikumpul dan dianalisis. Populasi dalam kajian ini terdiri daripada 47 pelajar tingkatan enam atas KISAS. Pengkhususan terhadap pelajar-pelajar tingkatan enam atas, disebabkan kertas Syariah 1 (Fiqh) adalah subjek elektif wajib yang perlu diambil oleh pelajar dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Hal ini memudahkan pengkaji untuk memperoleh hasil dapatan yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Dalam kajian ini, penyelidik memilih keseluruhan sampel sebagai responden kajian. Pemilihan sampel ini adalah bertepatan, kerana menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 38) jumlah minimum untuk sampel yang dipilih adalah sebanyak 30% daripada jumlah populasi. Menurut beliau lagi, lebih besar saiz sampel adalah lebih baik kerana penyelidik mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat penting untuk memperoleh maklumat bagi mencapai objektif kajian. Instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidik. Soal selidik telah dibina sendiri oleh penyelidik dan diubah suai dari penyelidik terdahulu serta menjurus kepada objektif kajian yang telah ditetapkan. Menurut Mohd Majid Konting (1994: 202) soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

Soal selidik dibina berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Set soal selidik tersebut dibahagikan kepada lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E. Setiap bahagian mempunyai item tertentu seperti bahagian A mengandungi 6 item soalan jenis jawapan terpilih yang terdiri daripada soalan-soalan berkaitan maklumat latar belakang responden seperti jantina, pengkhususan, sekolah terdahulu, tujuan sekolah agama, bilangan adik yang bersekolah agama dan negeri asal responden. Data ini dikategorikan sebagai data jenis nominal dan maklumat ini adalah perlu untuk mengenal pasti responden yang mempunyai pelbagai latar belakang.

Secara keseluruhannya, item bagi bahagian B, C D dan E adalah mengenai literasi dan pengetahuan serta kefahaman pelajar tingkatan enam terhadap kurikulum Syariah 1, meneliti penguasaan pelajar terhadap bentuk kesalahan jenayah Islam, mengkaji kefahaman pelajar terhadap hukuman dalam jenayah Islam dan mengetahui minat pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1.

Kajian Rintis

Sebelum melakukan kajian sebenar ke atas responden, penyelidik terlebih dahulu telah melakukan kajian rintis. Menurut Mohd Majid Konting (1999) kajian rintis ialah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar bertujuan menguji tahap kebolehpercayaan dan kesahan item-item soal selidik yang dibina oleh penyelidik. Sidek Mohd Noah pula berpendapat, sesuatu ujian itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperolehi individu yang sama dengan menjawab ujian yang sama pada masa yang berbeza (Sidek Mohd Noah, 2002: 62). Namun, perlu menjalankan langkah-langkah tertentu untuk memastikan soal selidik berada pada tahap kesahan yang tinggi (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 2003: 99).

Kajian rintis dijalankan di Sekolah SMKA (P) Al-Mashoor, Pulau Pinang. Seramai 10 orang pelajar telah dipilih secara rawak bebas untuk mendapat maklum balas terhadap soal selidik yang telah dibina. Nilai kebolehpercayaan serta kesahan bagi item-item yang dibina ialah *alpha* 0.819. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar, nilai *alpha* 0.8 telah memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 122).

Perbincangan

Bahagian A: Maklumat Latar Belakang Responden

Perbincangan mengenai latar belakang responden akan dibuat pada bahagian ini berhubung jantina, pengkhususan, sekolah terdahulu, tujuan bersekolah agama, bilangan adik-beradik yang bersekolah agama dan negeri asal.

Maklumat latar belakang yang pertama ialah jantina. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati responden lelaki sebanyak 20 orang (52.5%) diikuti responden perempuan seramai 18 orang (47.4%). Perbezaan ini terjadi disebabkan majoriti pelajar tingkatan 6 atas di KISAS terdiri daripada pelajar lelaki. Tambahan pula, penyelidik mengambil keseluruhan populasi sebagai sampel kajian.

Analisis yang seterusnya berkaitan dengan taburan pengkhususan responden. Hasil analisis menunjukkan responden dari kelas aliran sejarah paling ramai iaitu 14 orang (36.8%) diikuti kelas ekonomi 13 orang (34.2%) dan 11 orang (28.9%) dari kelas bahasa Melayu. Walaupun dapatan menunjukkan responden dari pengkhususan sejarah paling ramai, tetapi responden dari dua aliran lain juga menunjukkan nilai yang tidak jauh beza.

Seterusnya berkaitan dengan taburan sekolah terdahulu pelajar. Analisis menunjukkan majoriti responden mendapat pendidikan di sekolah menengah agama (SMA) iaitu (47.4%) daripada 38 orang pelajar berbanding responden dari SMKA iaitu 13 orang (34%). Diikuti 13.2% dari SBP dan 2.6% setiap satu dari Sekolah Jenis Kebangsaan dan sekolah swasta. Dapatan menunjukkan pelajar mendapat pendidikan agama sebelum menduduki STPM dari pelbagai institusi dan menunjukkan kebanyakan pelajar mempunyai asas mengenai mata pelajaran Syariah sebelum mengambil STPM.

Berikutnya berkaitan dengan tujuan belajar di sekolah agama. Majoriti responden menunjukkan belajar kerana minat dengan peratusan 60.5% berbanding tujuan belajar atas dorongan ibu bapa (36.8%) dan seorang (2.6%) sahaja yang belajar kerana terpaksa. Dapatan ini menunjukkan pelajar berminat untuk mendapatkan pendidikan di sekolah agama sehingga ke peringkat yang tinggi.

Analisis seterusnya berkaitan bilangan adik-beradik yang bersekolah agama. Majoriti responden memiliki adik beradik yang bersekolah agama antara 1-3 orang dengan peratusan 47.4%. Sebanyak 42.1% memiliki adik beradik antara 4-6 orang dan yang selebihnya memiliki adik beradik 7 dan lebih iaitu 10.5% yang bersekolah agama. Penyelidik berpendapat, bilangan adik beradik mampu mempengaruhi minat pelajar untuk sekolah agama dan menggambarkan keprihatinan ibu bapa terhadap pendidikan rohani anak-anak.

Item terakhir dalam maklumat latar belakang responden ialah negeri asal responden. Dapatan analisis menunjukkan majoriti responden berasal dari Selangor dan Kuala Lumpur dengan peratusan 26.3%. Manakala 4 responden (10.5%) berasal dari Melaka dan Johor, 2 orang (5.3%) dari Pahang, Terengganu dan lain-lain negeri diikuti seorang dari Penang, Negeri Sembilan dan Kelantan. Responden dari Kedah pula seramai 6 orang (15.8%) dan yang selebihnya dari Perak. Hasil analisis ini sekadar untuk pengetahuan penyelidik kerana telah maklum bahawa SBP merupakan sekolah pilihan yang pelajarinya diambil dari seluruh Malaysia.

Bahagian B: Literasi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Syariah 1

Bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan, penyelidik telah menyediakan 10 item soalan untuk dijawab oleh responden. Kesemua item soalan yang dibina adalah untuk mengetahui literasi pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1. Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, responden memberi maklum balas yang positif terhadap persoalan yang dikemukakan. Nilai min bagi keseluruhan item bahagian ini ialah 3.89.

Berdasarkan hasil dapatan, penyelidik ingin melihat kebolehan responden memahami mata pelajaran Syariah 1 secara umum. Item pertama menunjukkan responden (73.6%) bersetuju mengatakan bahawa sukatan mata pelajaran Syariah 1 digubal oleh MPM. Item ke-2 pula menunjukkan responden (76.3%) maklum bahawa subjek syariah 1 merupakan elektif dalam STPM. Begitu juga item ke-3 menunjukkan responden (76.3%) mengetahui mata pelajaran syariah 1 terbahagi kepada fiqh dan usul fiqh. Pada item ke-4 pula, (84.2%) responden bersetuju bahawa bab jenayah termasuk kertas syariah 1 dalam STPM dan seterusnya pada item ke-10, menunjukkan (76.3%) responden bersetuju bahawa objektif mempelajari Syariah mampu mendedahkan pelajar kepada cara mengistinbatkan hukum- hukum syarak dari sumber utama.

Bersesuaian dengan kenyataan setiausaha agung MPM, Termizi Abdul Aziz yang menyatakan sukatan mata pelajaran Syariah adalah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah bertujuan memperluas dan memperdalam ilmu pengetahuan, kefahaman dan penghayatan dalam bidang Syariah selain melahirkan pelajar yang beriman, beramal soleh, berperibadi mulia, dan mempunyai kebolehan beristinbat secara matang tentang segala hukum yang berkaitan dengan amalan harian sejajar dengan Falsafah Pendidikan Islam.

Seterusnya pada item ke-6 hingga item ke-9, perbincangan diperluas untuk mengetahui penguasaan responden terhadap bab-bab yang terdapat dalam kertas fiqh. Item-item tersebut menunjukkan min yang tinggi iaitu, 4.08, 4.26, 4.03, dan 4.21. Namun pada item ke-5, kebanyakan responden agak ragu-ragu sama ada terdapat lima bab dalam kertas fiqh dan min yang ditunjukkan pada kadar sederhana iaitu 2.94.

Mata pelajaran Syariah 1 mencakupi aspek fiqh dan usul yang menjelaskan ibadat, muamalat, munakahat dan jenayah. Oleh itu, mata pelajaran syariah juga boleh disampaikan sebagai salah satu cabang ilmu yang boleh melahirkan insan yang cemerlang di dunia dan akhirat dalam semua aspek kehidupan yang berpandukan ajaran Islam yang syumul. Ini hampir dengan pendapat Omar Mohd. Hashim hendaklah menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai paksi utama dalam syariah, seterusnya membawa kepada kelahiran insan kamil yang boleh dipanggil “Ummah al-Quran” (Omar Mohd. Hashim, 1993: 235).

Berdasarkan hasil dapatan, min keseluruhan yang diperolehi ialah 3.89. Nilai min tersebut berada di bawah skala tinggi iaitu antara 3.68 hingga 5.00. Justeru, hal ini membuktikan responden mempunyai literasi terhadap mata pelajaran Syariah yang positif secara umum.

Bahagian C: Penguasaan Pelajar Terhadap Bentuk Kesalahan Jenayah Islam

Seterusnya bagi objektif yang kedua ini, penyelidik telah membina 10 item soalan yang dijangka dapat menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Item-item yang dibina adalah menjurus kepada penguasaan pelajar terhadap bentuk kesalahan jenayah Islam.

Item ke-11 hingga item ke-14 ialah soalan yang berkaitan bentuk jenayah hadd seperti bughah, zina, arak, murtad dan lain-lain. Berdasarkan hasil dapatan tersebut, menunjukkan responden bersetuju dengan item ke-12 dan ke-14 dengan catatan min yang tertinggi dan kedua tertinggi dalam menjawab persoalan ini iaitu 3.97 dan 4.66. Item ke-14 misalnya, (94.8%) responden bersetuju hukuman hudud merupakan

ketetapan daripada Allah S.W.T kepada hambanya. Hal ini selari dengan pendapat Abd Razak Muhammad yang menyatakan hudud adalah wajib dilaksanakan kerana hukuman dan bentuknya telah ditentukan oleh syarak serta dilakukan bertujuan menjaga hak Allah dan kepentingan awam (Abd Razak Muhammad, 1997: 468).

Analisis seterusnya adalah berkaitan penguasaan responden terhadap bentuk kesalahan jenayah qisas. Antara item yang dipersoalkan ialah membunuh terbahagi kepada tiga iaitu membunuh sengaja, separa sengaja dan tidak sengaja. Berdasarkan hasil dapatan, sebanyak 60.5% atau 23 responden bersetuju dengan item ini. Manakala min pada item ke-15 dan item ke-17 ialah 3.68 dan 3.55. Melihat dapatan ketiga-tiga item tersebut, menunjukkan penguasaan responden terhadap bentuk-bentuk jenayah qisas adalah pada tahap sederhana.

Tiga item seterusnya, iaitu item ke-18, 19 dan 20 pula memperlihatkan penguasaan pelajar terhadap bentuk kesalahan jenayah ta'zir. Meajoriti 71% responden dengan nilai min 3.76 bersetuju mengatakan orang Islam yang tidak berpuasa pada bulan Ramadhan boleh dihukum ta'zir. Ini menunjukkan responden maklum bahawa orang Islam yang makan di siang hari pada bulan Ramadhan boleh dipenjarakan. Namun begitu, responden ragu-ragu adakah kesalahan ta'zir ditetapkan oleh Allah S.W.T. Menurut pendapat Abdul Munir Yaakob ta'zir adalah hukuman yang tidak ditetapkan kadarnya oleh syarak mengenai hak Allah atau manusia kerana melakukan maksiat (Abdul Munir Yaakob, 2000: 6).

Min keseluruhan bagi persoalan kedua ialah 3.70. Min terendah terletak pada item ke-13 iaitu 3.32 dan min bagi item-item yang lain mencatatkan tahap yang sejajar dan malar.

Bahagian D: Kefahaman Pelajar Terhadap Hukuman dalam Jenayah Islam

Persoalan kajian yang ketiga pula bertujuan meneliti kefahaman pelajar terhadap hukuman dalam jenayah Islam. Bagi menjawab persoalan ini, sebanyak 10 item yang disediakan.

Berdasarkan analisis hasil dapatan, pada item ke-23 hanya 42.2% responden sahaja bersetuju bahawa orang yang mencuri kerana kelaparan tidak dipotong tangan. Hal ini menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kefahaman yang sederhana terhadap hukuman jenayah Islam. Namun berbeza pula pada item ke-21, meajoriti 89.5% responden bersetuju undang-undang jenayah Islam terdiri dari hudud, qisas dan ta'zir. Mengikut peruntukan hukum syara' seperti yang disebut dalam al-Quran dan Hadis atau yang dikuatkuasakan dalam undang-undang jenayah Islam, seseorang penjenayah yang didakwa di atas kesalahannya, wajib dikenakan hukuman hudud, qisas, atau ta'zir. Hukuman-hukuman tersebut adalah tertakluk kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan (Sa'id Ibrahim, 1996: 1).

Empat item yang seterusnya iaitu pada item ke-24 hingga item ke-27 menyentuh kefahaman responden berhubung hukuman qisas. Daripada empat item tersebut, hanya item ke-25 sahaja menunjukkan nilai positif iaitu meajoriti 81.6% bersetuju hukuman diyat boleh memuaskan waris si mati. Sementara 3 item yang lain hanya mencatatkan nilai min yang sederhana.

Seterusnya meneliti kefahaman pelajar mengenai hukuman ta'zir. Berdasarkan analisis dapatan, sebanyak 81.6% responden bersetuju hukuman sebat merupakan salah satu daripada hukuman ta'zir. Sementara dua item yang lain iaitu pada item ke-29 dan item ke-30, kedua-duanya mencatatkan min yang tinggi iaitu 3.89 dan 3.82. Menurut Mustofa Al-Khin hukuman bagi kesalahan minum arak ialah 40 kali sebatan. Namun hukuman ini boleh mencecah sehingga 80 kali sebatan sebagai hukuman ta'zir (Mustofa Al-Khin, 2005: 1994).

Bahagian E: Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Syariah 1

Persoalan kajian yang keempat dan terakhir adalah untuk menilai sejauhmana minat responden terhadap mata pelajaran Syariah 1. Terdapat 10 soalan yang dikemukakan untuk mengkaji objektif yang keempat ini.

Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengetahui minat pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1 berada pada tahap yang tinggi dan positif berdasarkan min keseluruhan iaitu 3.86. Min tertinggi ialah 4.58 iaitu pada item ke-33. Majoriti 86.8% tidak bersetuju dengan pernyataan 'saya selalu ponteng kelas Syariah 1'. Hasil dapatan tersebut menunjukkan responden berminat untuk belajar subjek ini.

Item ke-31 menunjukkan responden (94.8%) mengakui berminat dengan mata pelajaran ini. Justeru, min yang diperolehi adalah tinggi iaitu 4.39 diikuti dapatan min 4.00 pada item saya tidak mengambil sikap sambil lewa terhadap subjek ini. Kedua-dua min ini berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan responden berminat dan sentiasa menitikberatkan serta memberi perhatian sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) berlangsung.

Seterusnya, nilai min terendah berhubung persoalan minat pelajar ini ialah 3.16 iaitu pada item ke-35. Hanya 31.6% responden yang bersetuju bahawa mereka selalu mendapat markah yang tinggi dalam mata pelajaran Syariah 1. Hal ini bermakna, responden tidak selalu mendapat markah yang baik dan sering mendapat markah yang rendah dalam subjek Syariah 1.

Lain-lain item berkaitan minat responden adalah pada kadar sederhana dan mendatar sahaja iaitu antara 3.53 hingga 3.34. Walaupun begitu, hal ini tidak menjejaskan nilai min keseluruhan persoalan yang berada pada kedudukan tinggi iaitu 3.86.

Rumusan

Literasi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Syariah 1

Daripada perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa secara keseluruhannya literasi pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1 berada pada tahap yang tinggi. Majoriti responden mengetahui bab jenayah membicarakan tentang hudud, qisas dan ta'zir. Responden juga memahami objektif mempelajari Fiqh boleh *mengistinctkan* hukum-hukum syarak dari sumber utama serta amat maklum bahawa Sukatan mata pelajaran Syariah 1 digubal oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Namun, responden agak keliru dengan bab-bab dalam kertas Fiqh.

Penguasaan Pelajar Terhadap Bentuk Kesalahan Jenayah Islam

Secara keseluruhannya, penguasaan pelajar terhadap bentuk-bentuk jenayah Islam berada pada tahap yang tinggi. Responden maklum bahawa hukuman hudud merupakan ketetapan daripada Allah S.W.T kepada hambanya. Selain itu, responden berpengetahuan terhadap jenis kesalahan hudud seperti zina, minum arak, murtad, mencuri dan samun. Tambahan, responden juga berpendapat orang Islam yang tidak berpuasa pada bulan Ramadhan boleh dihukum takzir. Tetapi suatu yang menjadi kekeliruan terhadap responden ialah adakah kesalahan ta'zir ditetapkan oleh Allah S.W.T.

Kefahaman Pelajar Terhadap Hukuman dalam Jenayah Islam

Hasil daripada perbincangan, penyelidik mendapati responden memiliki kefahaman yang tinggi dan positif terhadap hukuman dalam jenayah Islam. Responden memahami bahawa undang-undang jenayah Islam terdiri dari hudud, qisas dan ta'zir. Selain itu, pelajar mengetahui hukuman diyat boleh memuaskan

waris si mati dan hukuman sebat merupakan salah satu daripada hukuman takzir. Namun, responden masih ragu-ragu adakah orang yang mencuri kerana kelaparan tidak dipotong tangannya.

Minat Pelajar terhadap Mata Pelajaran Syariah 1

Secara keseluruhannya minat pelajar terhadap mata pelajaran Syariah 1, berada pada tahap yang tinggi dan positif. Responden mengakui dan bersetuju bahawa mereka berminat dan seronok belajar mata pelajaran Syariah 1, selain dapat menguasai serta tidak mengambil sikap sambil lewa terhadap subjek ini. Namun begitu, responden tidak selalu mendapat markah yang tinggi dalam mata pelajaran Syariah 1.

Rujukan

Abd.Latif Muda dan Rosmawati Ali (1997). *Penghantar Fiqh*. Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn Bhd.

Ahmadi Hj Baharudin (2007). *Manjadi Survivor dalam Dunia Penuh Cabaran*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn.Bhd.

Dr. Mustofa al-Khin, Dr. Mustofa al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji (2005). *Kitab Fiqh Mazhab Syafie*. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd.

Drs. Abdul Ghani Azmi Idris (2003). *Himpunan Hadith-Hadith Shahih Jilid 1*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Drs. Abdul Ghani Azmi Idris (1997). *Mengenal Qanun Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Hj Abd Razak Hj Muhamad (1997). *Sukatan Pelajaran Baru Syariah 1 Fiqh*. Kuala Lumpur : Pustaka Hj Abd Majid.

Hj. Said Hj. Ibrahim (1996). *Qanun Jinayah Syar'iyah dan Sistem Kehakiman dalam Perundangan Islam berdasarkan Quran dan Hadith*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.

Hj. Sulaiman Rasjid (2000). *Fiqh Islam*. Bandung : Sinar Baru Algensindo.

Kementerian Pendidikan Malaysia. *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Pendidikan Syariah Islamiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Majlis Peperiksaan Malaysia (1999). *Sukatan Pelajaran Syariah Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)*. Selangor: Percetakan Warna Sdn. Bhd.

Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Salleh Lebar (1996). *Perkembangan dan Haluan Kurikulum Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Mohd Yusuf Ahmad (2003). *Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Omar Mohd. Hashim (1993). *Pendidikan persoalan, penyelesaian dan harapan*. Kuala Lumpur: dewan bahasa dan pustaka, kementerian pendidikan Malaysia.

Paizah Hj. Ismail (1991). *Undang-undang Jenayah Islam*. Selangor: Dewan Pustaka Salam.

Prof Madya Dr. Mahfoz Muhamed (1993). *Undand-undang Jenayah Islam Mengenai Janayah Qisas Bunuh*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.